

**KETUA SETIAUSAHA NEGARA**

**Ucapan: 17/12/2017**

**Majlis Ramah Mesra dan Makan Malam Bersama Penjawat Awam, Kolej Jururawat  
Masyarakat Tawau, Tawau**

*Bismillahirrahmanirrahim.*

*Assalamu'alaikum warahmatullahi wabarakatuh,*

Salam Sejahtera dan Salam Negaraku Malaysia.

Terima kasih kepada Saudara/Saudari pengacara majlis.

YBhg. Dato' Seri Dr. Chen Chaw Min,  
Ketua Setiausaha,  
Kementerian Kesihatan;

YBhg. Tan Sri Ahmad Zaki Ansore bin Mohd Yusof,  
Ketua Pengarah,  
Unit Penyelarasan Pelaksanaan (ICU), JPM;

YBhg. Dato' Sri Zohari bin Haji Akob,  
Ketua Setiausaha,  
Kementerian Kerja Raya;

YBhg. Dato' Sri Haji Mohammad bin Mentek,  
Ketua Setiausaha,  
Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan;

YBhg. Datuk Mohd Zuki bin Ali,  
Timbalan Ketua Setiausaha Kanan,  
Jabatan Perdana Menteri;

YBhg. Datuk Nor Rizan bin Mohd Thani,  
Setiausaha Persekutuan Sabah;

YBhg. Datuk Dr. Christina Rundi,  
Pengarah Kesihatan Negeri,  
Jabatan Kesihatan Negeri Sabah;

YBrs. Dr. Norlimah Arsad,  
Pengarah,  
Hospital Tawau;

YBrs. Dr. Azman bin Ibrahim  
Yang DiPertua  
PERKIPS Cawangan Tawau

Ketua-Ketua Pengarah Jabatan Pesekutuan Malaysia;

Ketua-ketua Jabatan Persekutuan di Negeri Sabah;

Tuan-tuan dan puan-puan, saudara-saudari yang saya hormati sekalian,

## **PENDAHULUAN**

1. Alhamdulillah, setinggi-tinggi kesyukuran kepada Allah SWT kerana dengan izin-Nya, kita dapat bertemu dan beramah mesra pada malam ini.

2. Ribuan terima kasih saya ucapkan kepada Persatuan Kebajikan Islam Perubatan Sabah (PERKIPS) Cawangan Tawau kerana menganjurkan majlis dan mengatur pertemuan kita ini. Penghargaan saya juga kepada saudara saudari sekalian kerana sudi hadir.

## **EKONOMI NEGARA**

3. Kerajaan dibawah pimpinan YAB Perdana Menteri, Dato' Sri Mohd Najib bin Tun Haji Abdul Razak, telah berjaya memastikan **ekonomi negara bertambah kukuh setiap suku tahun. Kadar pertumbuhan KDNK negara ialah 5.6% pada suku pertama tahun ini, 5.8% pada suku kedua dan terkini, untuk suku ketiga, sebanyak 6.2%.**
4. Perkembangan positif ini adalah hasil daripada **langkah-langkah yang diambil Kerajaan** dalam memastikan ekonomi negara tetap kukuh dalam keadaan persekitaran global yang mencabar. Antara langkah yang telah diambil adalah **mempelbagaikan sumber pendapatan negara**, terutamanya dalam mengurangkan kebergantungan kepada sektor minyak dan gas (*oil and gas*) daripada **41.3 peratus pada tahun 2009 kepada 14.6 peratus pada tahun 2016**. Hasilnya, pertumbuhan telah dapat dikekalkan dan berdaya saing walaupun harga minyak telah menurun hampir 50 peratus.
5. Langkah Kerajaan untuk memperkenalkan GST pada tahun 2015 juga telah mempelbagaikan lagi sumber kewangan negara. Hakikatnya, **terdapat hanya 2.1 juta pembayar cukai daripada 14.6 juta jumlah pekerja dalam Negara**. Dengan pelaksanaan GST, Kerajaan telah berjaya mengurangkan kesan negatif daripada penurunan harga minyak dan mampu untuk melaksanakan inisiatif-inisiatif yang memberikan impak kepada rakyat.
6. Walaupun ada pihak yang menyatakan perkara-perkara negatif tentang ekonomi negara, **hakikatnya Malaysia bukanlah Negara yang bankrap**. Fakta-fakta yang telah

saya nyatakan tadi membuktikan bahawa Negara dalam landasan yang betul menuju ke sebuah Negara berpendapatan tinggi. InsyaAllah sama-sama kita usahakan.

### **PENJAWAT AWAN TULANG BELAKANG NEGARA**

7. Kerajaan amat menghargai peranan dan sumbangan para penjawat awam dan dengan itu sentiasa menjaga kebajikan dan menyelesaikan permasalahan yang dihadapi penjawat awam seperti mengambil dan menyerap pegawai-pegawai kontrak/sangkut ke perjawatan tetap, *addressing unemployment*, tidak pernah lupa memberikan imbuhan (bonus), *time base* kepada Perkhidmatan Kesihatan dan Pendidikan, mewujudkan Gred Khas UD56, Kenaikan Gaji Tahunan (KGT), Perumahan PPA1M dan lain-lain lagi.
8. Daripada segi **perkhidmatan awam**, saya juga telah memperkenalkan beberapa **pendekatan** sepertimana dikatakan oleh YAB Perdana Menteri, Dato' Sri Mohd Najib sebagai '***bold and daring***'.
9. Antaranya, **pemilihan pegawai-pegawai** yang berkaliber, **tanpa mengira usia**, untuk **mengikuti program Fast-Track** dimana para pegawai akan melalui beberapa tapisan penilaian dan dinaikkan pangkat secara cepat sekiranya berjaya.
10. **Kedua, pengisian jawatan-jawatan strategik** seperti Timbalan Ketua Setiausaha secara **panel temuduga**.
11. **Ketiga, mengenal pasti pegawai-pegawai secara *advance*** sebagai bakal pelapis KSU dan TKSU.
12. **Pendekatan ini semua perlu diambil** supaya perkhidmatan awam kita bergerak seiring dengan masa dan **supaya kita semua kekal relevan**.

### **KESETIAAN KEPADA RAJA, NEGARA DAN KERAJAAN**

13. Dalam **ucapan YAB Perdana Menteri semasa Majlis Perdana Perkhidmatan Awam yang ke-15** tahun ini, beliau telah menggariskan **6 tunjang utama untuk perkhidmatan awam**. Salah satunya adalah **prinsip wala' dan kesetiaan**.
14. Saudara-saudari yang berada di sini terdiri daripada pelbagai skim perkhidmatan. **Walaupun demikian, kesetiaan kita adalah pada Kerajaan yang memerintah**. Penjawat awam **seharusnya setia** berkhidmat menyumbang bakti kepada Raja, Negara dan Kerajaan.
15. **Pencapaian negara pada hari ini, tidak akan terhasil tanpa dasar dan program jelas yang ditetapkan oleh kepimpinan negara. Pentadbiran Negara** yang diterajui oleh YAB Perdana Menteri merupakan **satu pentadbiran yang bertanggung jawab kepada rakyat**. Kerajaan ini tidak akan membuat sebarang janji yang tidak dapat ditunaikan.
16. Mana kita boleh percaya kepada pembangkang jika ada tokoh politik dari **parti pembangkang menyatakan mereka akan mengurangkan saiz perkhidmatan awam** sekiranya mereka memegang tampuk pemerintahan. Bayangkan, **betapa ramai diantara kita akan menjadi sebahagian statistik kadar pengangguran** negara sekiranya tokoh-tokoh ini yang melupakan sumbangan penjawat awam, memegang tampuk pemerintahan.

**MENYOKONG THE GOVERNMENT OF THE DAY**

17. Sehubungan itu, kita semua selaku Penjawat Awam perlulah menunjukkan komitmen dan sokongan yang tidak berbelah bahagi kepada Kerajaan (*Government of the day*) dengan memastikan peranan dan tanggungjawab Penjawat Awam terlaksana dengan jayanya. Semua Penjawat Awam perlulah:
- i. berkhidmat dan menyokong Kerajaan pada hari ini (*the Government of the day*) bagi merealisasikan semua aspirasi yang dirancang oleh Kerajaan;
  - ii. mematuhi Perintah Am (*General Order*) dan Peraturan-peraturan Kerajaan;
  - iii. Penjawat Awam yang menyokong pembangkang dan mengkritik Kerajaan sepatutnya melepaskan jawatan jawatan/profesion mereka dengan sewajarnya;
  - iv. merancang, mengimplementasi dan memantau inisiatif, program dan projek Kerajaan;
  - v. Penjawat Awam mempunyai pengaruh secara langsung ke atas kehidupan di Malaysia. Kita semua (melalui pelbagai Kementerian, Jabatan dan agensi) menyampaikan perkhidmatan kepada Rakyat seperti pengeluaran dan pembaharuan Pasport, MyKad, Lesen Memandu, Cukai Jalan dan termasuk juga antara lainnya aspek kesihatan dan keselamatan negara.
  - vi. keperluan untuk merubah cara Penjawat Awam menyampaikan perkhidmatan adalah akibat daripada keperluan untuk mengurangkan perbelanjaan Kerajaan dan meningkatkan produktiviti Sektor Awam yang merupakan kehendak Rakyat dan juga Penjawat Awam itu sendiri. Ianya perlu dilaksanakan untuk memenuhi peningkatan ekspektasi Rakyat pada masa kini dan juga hadapan.

### **Tranformasi Nasional 2050 (TN50)**

18. YAB Perdana Menteri telah mencetuskan gagasan **Tranformasi Nasional 2050 (TN50)** bagi mencorakkan perjalanan negara pasca 2020 dan menuju 2050, dengan mengambil kira

ekspektasi, pandangan dan idea seluruh segmen masyarakat terutamanya generasi muda. Inisiatif ini akan dipacu oleh matlamat dan sasaran yang jelas dalam menjadikan **Malaysia antara 20 negara teratas di tangga dunia dalam ekonomi, kesejahteraan rakyat dan inovasi.**

19. Sehingga hari ini, telah banyak sesi yang dianjurkan bersama pelbagai segmen masyarakat untuk mendapatkan maklum balas tentang TN50. Berdasarkan statistik yang dibentangan oleh pihak Sekretariat TN50 semasa NBOS Summit pada 13 Disember 2017, **lebih 2 juta rakyat telah terlibat dalam pengumpulan lebih 100,000 ribu aspirasi.**

20. Saya sendiri telah mengadakan empat sesi setakat ini di Sabah, Sarawak Pahang dan Johor. Saudara-saudari juga dijemput untuk memberikan idea dan pandangan tentang hasrat dan impian anda menuju tahun 2050. **Input-input ini boleh disalurkan melalui laman sesawang [www.mytn50.com](http://www.mytn50.com)**

## **PENUTUP**

21. Saya akhiri amanat saya pada malam ini, dengan sekali lagi merakam penghargaan dan ribuan terima kasih kepada semua yang hadir. Diharapkan komitmen dan kolaborasi yang telah diberikan selama ini akan kekal diteruskan dan dimantapkan lagi pada masa-masa akan datang.

Sekian, terima kasih.

©2017 Hakcipta Terpelihara Pejabat Ketua Setiausaha Negara

Source: <https://www.ksn.gov.my//newsroom/content/speech/19204/Majlis-Ramah-Mesra-dan-Makan-Malam-Bersama-Penjawat-Awam-Kolej-Jururawat-Masyarakat-Tawau-Tawau>